

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI MUAR  
DALAM NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM  
[SAMAN PEMULA NO.: JB-32NCVC-190-08/2019]**

**Dalam Perkara Mengenai Harta  
Pusaka Tan Tau @ Tan Geok  
Hiang (No. K/P: 270802-02-  
2010/0067535) Simati**

**Dan**

**Dalam Perkara Mengenai Aturan  
71 Kaedah 5 Kaedah-Kaedah  
Mahkamah 2012**

**Dan**

**Dalam Perkara Mengenai Seksyen  
3 Akta Probet dan Pentadbiran  
1959**

**LOK SWEE TIONG**

**... PEMOHON**

**DAN**

**1. LOK SIEW CHOO**

**2. LOK CHENG HUA @ LOCK SIEW HWA**

**3. LOCK PEK YEN**

**4. LOK SIEW HOON ... PENGKAVEAT-PENGKAVEAT**

**KORAM:  
AWG ARMADAJAYA A WG MAHMUD  
PESURUHJAYA KEHAKIMAN**

**ALASAN PENGHAKIMAN (LAMPIRAN 63)**

**MUQQADDIMMAH**

- [1] Kes ini adalah kes permohonan untuk mendapatkan Geran Probet bagi Pelaksana (executor) untuk Estate Simati yang dikatakan meninggalkan satu Wasiat dan Testamen terakhir, bersabit Lampiran 1.
- [2] Perintah yang dipohon dalam Lampiran 1 adalah seperti berikut :
- i. Geran Probet bagi harta pusaka dan harta benda Tan Tau @ Tan Geok Hiang (No. Kad Pengenalan : 270802-01-5010 / 0067535) si Mati diberikan kepada Pemohon (Lok Swee Tiong) sebagai anak yang sah dari segi undang-undang dan waris khadim, selaras dengan Wasiat dan Testamen Akhir si mati; dan
  - ii. Lain Perintah atau relief yang difikirkan adil dan suaimanfaat oleh Mahkamah yang Mulia ini.
- [3] Ini adalah 2 permohonan dibawah Lampiran 61 dan 63.
- [4] Permohonan 61 dibuat oleh pengkaveat-pengkaveat yang memohon perintah seperti berikut :
- a. Afidavit Sokongan Tambahan Pemohon (3) diikarkan oleh Tziporah Siew Mien Cohen pada 26-2-2021 dihapuskan dan dibatalkan (Lampiran 51);

- b. Afidavit kepada Wasiat (2) yang diikarkan oleh New Leok Hwa @ Neo Geck Hwee pada 19-3-2021 dihapuskan dan dibatalkan (Lampiran 56);
- c. Kos permohonan ini ditanggung oleh peguamcara Pemohon pada “solicitor-client basis” dalam apa jua keadaan; dan
- d. Relif-relif selanjutnya yang dianggap suai oleh Mahkamah yang Mulia ini.

[5] Pengkaveat-pengkaveat adalah seperti berikut :

- i. Lok Siew Choo (No. Kad Pengenalan : 550416-01-5034) yang beralamat No. 5 Taman Loop, Jalan Tok Ungku, 70100 Seremban, Negeri Sembilan.
- ii. Lok Cheng Hwa @ Lock Siew Hwa (No. Kad Pengenalan : 480926-01-5480) yang beralamat di No. 3 Jalan Awam Kecil 5, Taman OUG, 58200 Kuala Lumpur.
- iii. Lock Pek Yem (No. Kad Pengenalan : 511231-01-5264) yang beralamat di No. 7 Jalan Cempaka 1, Taman Cempaka, Bukit Gambir, 84000 Muar.
- iv. Lok Siew Hoon (no. Kad Pengenalan : 561206-01-5540) yang beralamat di 67-6 Jalan Hang Tuah, Taman Khalidi Baru. 84000 Muar.

[6] Alasan-alasan Permohonan adalah *inter alia* seperti berikut :-

- (1) permohonan Pemohon untuk kaveat-kaveat Pengkaveat-pengkaveat tidak lagi berkuatkuasa dan sehubungan dengan itu, untuk memutuskan Saman Pemula ini secara terus dan tidak diteruskan dengan prosiding probet pertikaian dibawah Aturan 72 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 telah ditetapkan untuk pendengaran pada 25 Mac 2021;

- (2) Afidavit terakhir Pengkaveat-pengkaveat telah difailkan dan diserahkan pada 3 Februari 2021 menurut arahan-arahan Mahkamah;
- (3) Afidavit balasan terakhir Pemohon terhadap afidavit terakhir Pengkaveat-pengkaveat telah difailkan dan diserahkan pada on 22 Februari 2021 menurut arahan-arahan Mahkamah;
- (4) Ini bermakna bahawa penukaran afidavit-afidavit antara pihak-pihak pun telah haus;
- (5) Walaubagaimanapun, Pemohon tanpa apa-apa petunjuk untuk membuat demikian pada atau sebelum permintaan Pemohon untuk satu lanjutan masa untuk memfailkan hujahan-hujahan, telah memfailkan dan menyerahkan Afidavit Sokongan Tambahan Pemohon (3) yang diikarkan oleh Tziporah Siew Mien Cohen pada 26 Februari 2021 dimana yang telah diserahkan pada 1 Mac 2021;
- (6) Hujahan-hujahan bertulis sepatutnya difailkan dan diserahkan pada 8 Mac 2021 menurut arahan-arahan Mahkamah;
- (7) Namun begitu, atas permintaan Permohon untuk satu lanjutan masa di mana tidak dibantah oleh Pengkaveat-pengkaveat, hujahan-hujahan bertulis telah ditukar antara pihak-pihak pada 12-3-2021;
- (8) Selanjutnya, Pemohon selepas ini telah memfailkan Afidavit kepada Waisat (2) yang diikarkan oleh New Leok Hwa @ Neo Geck Hwee pada 19 Mac 2021 dimana telah diserahkan pada hari yang sama pada pukul 6.26 petang selepas waktu perkerjaan dimana selepas hujahan-hujahan bertulis telah ditukar antara pihak-pihak pada 12 Mac 2021;

- (9) Afidavit Sokongan Tambahan Pemohon (3) yang diikrarkan oleh Tziporah Siew Mien Cohen pada 26 Februari 2021 dan Afidavit kepada Wasiat (2) yang diikarkan oleh New Leok Hwa @ Neo Geck Hwee yang pada 19 Mac 2021 telah difail luar masa dan tanpa kebenaran Mahkamah yang Mulia ini;
- (10) Pemfailan Afidavit kepada Wasiat (2) yang diikarkan oleh New Leok Hwa @ Now Gwek Hee pada 19 Mac 2021 adalah satu pemikiran semula selepas Pengkaveat-pengkaveat telah memfailkan dan menyerahkan hujahan-hujahan bertulis mereka kepada Pemohon pada 12 Mac 2021;
- (11) Pemfailan Afidavit Sokongan Tambahan Pemohon (3) yang diikarkan oleh Tziporah Siew Mien Cohen yang diikarkan pada 26 Februari 2021 dan Afidavit kepada Wasiat (2) oleh New Leok Hwa @ Neo Geck Hwee yang diikarkan pada 19 Mac 2021 bersifat mengaibkan, menindas dan adalah penyalahgunaan proses Mahkamah; dan
- (12) Alasan-alasan selanjutnya yang dinyatakan dalam Afidavit Sokongan yang diikarkan oleh LOK SWEE LONG (No. K/P : 640502-01-5815) yang diikarkan dan difailkan di sini.

[7] Lampiran 63 adalah permohonan untuk perintah berikut :

- (1) Afidavit Sokongan Tambahan Pemohon (3) diikrarkan oleh Tziporah Siew Mien Cohen pada 26 Februari 2021 dibenarkan difailkan di luar tempoh masa yang ditetapkan oleh Penolong Kanan Pendaftar, dan diterima oleh Mahkamah yang Mulia ini untuk pertimbangan Permohonan Pemohon untuk Kaveat-kaveat Probet yang dimasukkan terhadap harta pusaka TAN TAU @ TAN

GEOK HIANG (No. K/P : 270802-01-5010 / 0067535) terhenti berkuat kuasa (“Kandungan 44”);

- (2) Afidavit Saksi Wasiat (2) yang diikrarkan oleh New Leok Hwa @ Neo Geck Hwee pada 19 Mac 2021 dibenarkan difailkan di luar tempoh masa yang ditetapkan oleh Penolong Kanan Pendaftar, dan diterima oleh Mahkamah yang Mulia ini untuk pertimbangan Kandungan 44;
- (3) Kos permohonan ini dijadikan kos di dalam kausa; dan
- (4) Perintah-perintah dan/atau arahan-arahan lain yang difikirkan adil dan suaimanfaat oleh Mahkamah yang Mulia ini.

[8] Alasan permohonan Lampiran 63 adalah seperti berikut :

- (a) Afidavit-afidavit yang tersebut di dalam permohonan ini hanya difailkan pada masa akhir dan secara tiba-tiba berikutan perkembangan yang tidak dijangka;
- (b) Sebarang kelewatan pemfailan afidavit-afidavit tersebut bukanlah suatu yang disengajakan, kerana pada asalnya tiada niat bagi pemfailan afidavit-afidavit tersebut;
- (c) Afidavit-afidavit tersebut mengandungi keterangan yang berkaitan dengan perkara pokok Saman Pemula ini, dan adalah amat penting untuk dipertimbangkan oleh Mahkamah yang Mulia ini; dan
- (d) Pihak Pengkaveat-pengkaveat tidak akan mengalami sebarang prejudis sekiranya afidavit-afidavit ini dimasukkan untuk pertimbangan Mahkamah yang Mulia ini.

[9] Kertas Kausa untuk kedua-dua Lampiran 61 dan 63 adalah :

- i. Notis Permohonan untuk menolak affidavit-afidavit yang difailkan pada atau selepas 19 Mac 2021 iaitu Lampiran 50, 51 dan 56. (Lampiran 61).
- ii. Affidavit sokongan untuk Lampiran 61 (Lampiran 62).
- iii. Notis Permohonan untuk perlanjutan masa untuk pemfailan affidavit seperti yang ada dalam Lampiran 50, 51 dan 56 (Lampiran 63).
- iv. Affidavit Sokongan untuk permohonan Lampiran 63 (Lampiran 65).

## **LATARBELAKANG KES**

[10] Simati Tan Tau @ Tan Geok Hiang (No. Kad Pengenalan: 270802-01-5010 / 0067535) (selepas ini dirujuk sebagai “Simati”) telah meninggal dunia pada 4 November 2018 dan dikatakan meninggalkan Wasiat dan Testamen terakhir kepada Lok Swee Tiong (pemohon untuk Geran Probet dalam kes ini).

[11] Wasiat tersebut menamakan 2 orang wasi iaitu Lok Swee Meng (No. Kad Pengenalan : 530131-01-5033) dan pemohon sebagai pelaksana Wasiat (executor of the Will). Bagaimanapun Lok Swee Meng telah meninggal dunia pada 26 September 2018 dan sesalinan Geran Probet yang bertarikh 14 Januari 2019 telah dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Melaka untuk tujuan pentadbiran Harta Pusaka Lok Swee Meng.

[12] Oleh yang demikian, pemohon memohon untuk menjadi Pelaksana Wasiat tersebut.

[13] Keempat-empat kaveator mencabar Wasiat dan Testamen terakhir adalah juga Wasi dalam Wasiat tersebut namun terdapat nama lain juga yang dicatit sebagai Wasi dalam Wasiat. Keempat-empat Pengkaveat telah memasukkan Notis Kehadiran

melalui Borang 166 dan telah memberi Kehadiran dalam Amaran kepada Pemohon.

[14] Semasa Pengurusan Kes, Puan Penolong Kanan Pendaftar telah memberi arahan untuk Lampiran 44 pada 7 January 2021 bahwa semua pihak hendaklah :

- i. Saling bertukar affidavit.
- ii. Memfailkan hujahan.
- iii. Memfailkan jawapan.
- iv. Menetapkan tarikh bicara untuk Lampiran 44.

[15] Sesalinan Wasiat dan Testament terakhir diekshibitkan dalam Lampiran 2 Exhibit “C”.

[16] Arahan yang diberi berkaitan dengan 4 perkara diatas adalah :

- a. Semua affidavit tambahan hendaklah difailkan pada atau sebelum 21 January 2021 dan
- b. Affidavit jawapan hendaklah difailkan pada atau sebelum 4 Februari 2021
- c. Afidavot balasan difailkan pada atau sebelum 22 February 2021
- d. Hujahan difailkan pada 8 Mac 2021 dan
- e. Hujahan balas (jika ada) pada atau sebelum 22 Mac 2021
- f. Pendengaran hujahan adalah 25 Mac 2021

[17] Bagaimanapun Pemohon memfailkan affidavit tambahan yang diikrarkan oleh Pemohon pada 24 Mac 2021 yang difailkan sebagai Lampiran 56.



- [18] Inilah yang dibantah oleh Pengkaveat kerana mereka tidak lagi berkesempatan untuk menjawab tohmahan dalam affidavit tersebut iaitu Lampiran 56.
- [19] Permohonan Perlanjutan Masa untuk pemfailan Lampiran 56 hanya dibuat pada 24 Mac 2021 walhal Lampiran 51 sudah difailkan pada 1 Mac 2021 dan Lampiran 56 sudah pun difailkan pada 19 Mac 2021.
- [20] Lampiran 51 sudah diikrarkan pada 26 February 2021 di United Kingdom dan surat ditulis oleh Tsiporah Siew Mien Cohen (“Siew Mien”) pada 15 February 2021.
- [21] Alasan yang diberi adalah keadaan Pandemik yang disebabkan oleh Covid 19 di United Kingdom adalah jauh lebih serius dari Malaysia pada ketika itu.
- [22] Disamping itu, affidavit New Leok Hwa @ Neo Geck Hwee dan Siti Noot Afizie binti Sa’at juga menyatakan benda yang sama. Seperti dalam Lampiran 3 dan 4 yang difailkan sebelum ini tetapi dengan keperincian yang lebih banyak.

## **UNDANG-UNDANG BERKAITAN DENGAN PENERIMAAN AFFIDAVIT**

- [23] Tatacara dalam penyediaan Affidavit diperuntukkan dalam Aturan 41 dan saya perturunkan.

### *41 Affidavit*

#### *1. Borang affidavit (A. 41 k. 1).*

- (1) Tertakluk kepada perenggan (2) dan (3), tiap-tiap affidavit yang diangkat sumpah dalam suatu kausa atau perkara hendaklah diberi tajuk mengikut kausa atau perkara itu.*

- (2) *Jika suatu kausa atau perkara diberi tajuk dalam lebih daripada satu perkara, memadailah menyatakan perkara yang pertama diikuti dengan perkataan “dan perkara lain”, dan jika suatu kausa atau perkara diberikan tajuk dalam suatu perkara dan antara pihak-pihak, bahagian tajuk itu yang mengandungi perkara itu boleh ditinggalkan.*
- (3) *Jika terdapat lebih daripada seorang plaintif, memadailah untuk menyatakan nama penuh plaintif yang pertama diikuti dengan perkataan “dan lain-lain”, dan begitulah juga berkenaan dengan defendan.*
- (4) *Tiap-tiap affidavit hendaklah dinyatakan mengikut kata diri pertama dan hendaklah menyatakan tempat tinggal deponen dan pekerjaannya atau, sekiranya dia tidak mempunyai pekerjaan, perihalan dirinya, dan sekiranya dia menjadi, atau diambil bekerja oleh, suatu pihak dalam kausa atau perkara yang mengenainya affidavit itu diangkat sumpah, affidavit itu hendaklah menyatakan fakta itu-*

*Dengan syarat bahawa dalam hal seorang deponen yang memberikan keterangan dalam kapasiti professional, perniagaan atau lain-lain pekerjaan, affidavit itu boleh, sebagai ganti menyatakan tempat tinggal deponen, menyatakan alamat yang dia bekerja, jawatan yang dipegang olehnya dan nama firma atau majikannya, sekiranya ada.*

- (5) *Tiap-tiap affidavit hendaklah dibahagikan kepada perenggan yang dinomborkan secara berturutan, setiap perengganannya, setakat yang boleh dikhususkan kepada bahagian berasingan bagi perkara itu.*

- (6) *Tarikh, kira-kira dan nombor lain hendaklah dinyatakan dalam suatu affidavit dengan menggunakan angka dan bukannya perkataan.*
- (7) *Tiap-tiap affidavit hendaklah ditandatangani oleh deponen dan jurat itu hendaklah diisi dan ditandatangani oleh orang yang di hadapannya affidavit itu diangkat sumpah.*
- (8) *Suatu jurat hendaklah dalam salah satu bentuk dalam Borang 74.*

2. *Affidavit oleh dua atau lebih deponen (A. 41 k. 2).*

- (1) *Jika suatu affidavit dibuat oleh dua atau lebih deponen, nama orang yang membuat affidavit itu hendaklah dimasukkan dalam jurat kecuali bahawa, sekiranya affidavit itu diangkat sumpah oleh kedua-dua atau semua deponen dalam satu masa di hadapan orang yang sama, memadai menyatakan bahawa ia diangkat sumpah oleh kedua-dua (atau semua) deponen “yang tersebut namanya di atas”.*
- (2) *Apabila sumpah diberikan kepada deponen dalam bahasa yang berlainan, maka hendaklah diadakan jurat yang berasingan bagi sumpah yang diangkat itu dalam setiap bahasa.*

3. *Affidavit oleh orang buta huruf atau orang buta (A. 41 k. 3).*

*Jika ternyata kepada orang yang memberikan sumpah itu bahawa deponen itu buta huruf atau buta, dia hendaklah memperakukan dalam jurat bahawa-*

- (a) *affidavit itu telah dibacakan kepada deponen di hadapan orang itu;*

- (b) *deponen kelihatan memahaminya dengan sempurna; dan*
- (c) *deponen itu menandatangani atau membuat suatu tanda di hadapan orang itu,*

*dan affidavit itu tidak boleh digunakan sebagai keterangan tanpa suatu perakuan yang sedemikian melainkan jika Mahkamah selainnya berpuas hati bahawa ia telah dibacakan kepada deponen dan ternyata difahami dengan sempurna oleh deponen.*

4. *Penggunaan affidavit cacat (A. 41 k. 4).*

*Suatu affidavit boleh, dengan kebenaran Mahkamah, difailkan atau digunakan sebagai keterangan walaupun apa-apa ketidakteraturan dalam borangnya.*

5. *Kandungan affidavit (A. 41 k. 5).*

- (1) *Tertakluk kepada Aturan 14, kaedah 2(2) dan 4(2), kepada perenggan (2) kaedah ini dan kepada apa-apa perintah yang dibuat di bawah Aturan 38, kaedah 3, suatu affidavit hanya boleh mengandungi apa-apa fakta yang boleh dibuktikan oleh deponen daripada pengetahuannya sendiri.*
- (2) *Suatu affidavit yang diangkat sumpah bagi maksud digunakan dalam prosiding interlokutori boleh mengandungi pernyataan maklumat atau kepercayaan berserta dengan sumber dan alasannya.*

*[(2) Pembetulan. PU(A) 226/2012]*

6. *Perkara mengaibkan dalam affidavit (A. 41 k. 6).*

*Mahkamah boleh memerintahkan untuk dibatalkan mana-mana afidavit apa-apa perkara yang bersifat mengaibkan, tidak relevan atau selainnya menindas.*

7. *Pengubahan dalam afidavit (A. 41 k. 7).*

(1) *Suatu afidavit yang mempunyai apa-apa tulisan di antara garis, pemadaman atau pengubahan lain dalam jurat atau kandungannya tidak boleh difailkan atau digunakan dalam mana-mana prosiding tanpa kebenaran Mahkamah melainkan jika orang yang dihadapannya afidavit itu telah diangkat sumpah telah menandatangani ringkas pengubahan itu dan, dalam hal suatu pemadaman, telah menulis semula di birai afidavit itu apa-apa perkataan atau angka yang tertulis di tempat pemadaman itu dan telah menandatangani atau menandatangani ringkasnya.*

(2) *Tiada pengubahan boleh dibuat dalam mana-mana afidavit selepas ia difailkan, tetapi, sebelum suatu afidavit difailkan pengubahan boleh dibuat di dalamnya dan afidavit itu hendaklah diangkat sumpah semula dengan ditambah suatu jurat selanjutnya yang bermula dengan perkataan “diangkat sumpah semula”.*

8. *Afidavit tidak boleh diangkat sumpah di hadapan peguam pihak (A. 41 k. 8).*

*Suatu afidavit tidak memadai sekiranya diangkat sumpah di hadapan peguam pihak yang bagi pihaknya afidavit itu hendak digunakan atau di hadapan mana-mana anggota firma peguam itu.*

9. *Pemfailan afidavit (A. 41 k. 9).*

- (1) *Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya oleh Kaedah-Kaedah ini, tiap-tiap affidavit hendaklah difailkan di Pejabat Pendaftaran.*
  - (2) *Tiap-tiap affidavit hendaklah diendorskan dengan suatu nota yang menunjukkan bagi pihak siapa ia difailkan dan tarikh mengangkat sumpah dan pemfailan, dan suatu affidavit yang tidak diendorskan sedemikian tidak boleh difailkan atau digunakan tanpa kebenaran Mahkamah.*
10. *Penggunaan affidavit asal atau salinan pejabat (A. 41 k. 10).*
- (1) *Tertakluk kepada perenggan (2), suatu affidavit asal boleh digunakan dalam prosiding dengan kebenaran Mahkamah, walaupun ia tidak difailkan mengikut kaedah 9.*
  - (2) *Suatu affidavit asal tidak boleh digunakan dalam mana-mana prosiding melainkan jika ia telah terlebih dahulu disetamkan dengan fi yang bersesuaian.*
  - (3) *Jika suatu affidavit asal digunakan, maka, melainkan jika pihak yang membuat affidavit itu mengakujaji untuk memfaihkannya, dia hendaklah dengan serta-merta memfaihkannya dengan pegawai yang berkenaan di Pejabat Pendaftaran selepas sahaja ia digunakan.*
  - (4) *Jika suatu affidavit telah difailkan, suatu salinan pejabatnya boleh digunakan dalam mana-mana prosiding.*

11. *Dokumen yang dilampirkan pada affidavit (A. 41 k. 11).*
- (1) *Apa-apa dokumen yang hendak digunakan bersama-sama suatu affidavit hendaklah diekshibitkan dan suatu salinannya dilampirkan pada affidavit itu.*
  - (2) *Apa-apa ekshibit kepada suatu affidavit hendaklah dikenal pasti melalui perakuan orang yang di hadapannya affidavit itu diangkat sumpah. Perakuan itu hendaklah diberi tajuk mengikut cara yang sama sebagaimana affidavit itu dan kaedah 1(1), (2) dan (3) hendaklah terpakai dengan sewajarnya.*
12. *Affidavit yang dibuat di luar Malaysia boleh terima tanpa bukti pemeteraian (A. 41 k. 12).*

*Suatu dokumen yang berupa sebagai dicapkan atau ditekankan di atasnya atau ditandatangani padanya meterai atau tandatangan Mahkamah, Hakim, notari awam atau orang yang mempunyai kuasa untuk memberikan sumpah dalam suatu negara Komanwel dan dalam hal mana-mana negara lain, meterai atau tandatangan seorang pegawai konsular suatu negara Komanwel dalam testimoni suatu affidavit dibuat di hadapannya hendaklah diterima sebagai keterangan tanpa bukti bahawa meterai atau tandatangan itu adalah meterai atau tandatangan Mahkamah, Hakim, notari awam atau orang tersebut.*

13. *Bahasa affidavit (A. 41 k. 13).*

*Suatu affidavit deponen yang disahkan di luar bidang kuasa boleh difailkan dalam bahasa Inggeris dan, melainkan jika Mahkamah memerintahkan selainnya, tidak perlu disertakan dengan suatu terjemahan dalam bahasa kebangsaan.*

- [24] Mahkamah mempunyai kewajipan untuk menolak keterangan affidavit jika ia bersyarat atau tidak cukup butiran atau bertentangan dengan keterangan semasa yang diterima secara am, menyebabkan sesuatu isu tidak boleh dibicarakan (*BANK NEGARA MALAYSIA v. MOHD ISMAIL ALI JOHOR & ORS* [1992] 1 CLJ 14 (Rep); [1992] 1 CLJ 627; [1992] 1 MLJ 400, SC).
- [25] Dalam kes *S RAVI G SUPPIAH v. TIMBALAN MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI, MALAYSIA & ANOR* [1995] 2 CLJ 152, YA Hakim Low Hop Bing (pada ketika itu) memutuskan –

*Upon a proper construction of O. 41, r. 3, I have no hesitation in holding that the requirements of O. 41, r. 3 are clearly and obviously mandatory in nature. In order to use an affidavit under O. 41, r. 3, it is absolutely essential that the conditions prescribed therein have been meticulously complied with, as the person administering the oath (in Malaysia, usually a commissioner for oaths, a Magistrate or a Sessions Court Judge) must certify that the aforesaid three conditions have been complied with, failing which the affidavit shall not be used in evidence.*

*The pre-requisite for such a mandatory requirement of O. 41, r. 3 is “where it appears to the person administering the oath that the deponent is illiterate or blind”. In the rules, the word “illiterate” is not defined or explained. It is therefore necessary to refer to the natural, ordinary and popular meaning of this word as found in the dictionary. I have referred to the Shorter Oxford English Dictionary where the word “illiterate” means one who is unable to read. In the context of the affidavit in Bahasa Malaysia as affirmed by the deponent, it must mean that the deponent is unable to read Bahasa Malaysia. In the circumstances, prima facie the affidavit of the deponent*



*shall not be used in evidence unless there is evidence to the effect that the deponent is literate in Bahasa Malaysia or unless a certificate in accordance with O. 41, r. 3 has been affixed on the affidavit itself.*

*In order to use it as evidence, the Court has to be satisfied that the affidavit was read to and explained to and appeared to be perfectly understood by the deponent. There is nothing in the affidavit to indicate that the affidavit appeared to be perfectly understood by the deponent.*

*In the circumstances, I find that the deponent's affidavit is defective and under O. 41, r. 3, it shall not be used in evidence.*

- [26] YA Hakim menggariskan beberapa panduan dalam kes tersebut tetapi yang paling utama ialah pematuhan prosedur kerana ia mandatori dan bukan sekadar direktori.
- [27] Ketidakpatuhan kepada Aturan 41 Kaedah 3 tidak dapat dirawat oleh peruntukan lain seperti Aturan 1A atau 2 atau Aturan 92 Kaedah 4.
- [28] Untuk perkara yang bukan bersifat interlokutari, Affidavit hanya boleh mengandungi fakta yang ada dalam pengetahuan peribadi atau dalam dokumen yang boleh diakses oleh pihak yang mengikrarkan affidavit tersebut. Sebarang kandungan yang bersifat dengar cakap adalah ditolak dan Mahkamah hendaklah memadamkannya dari rekod Mahkamah dan tidak boleh mengambil kira pengataan sedemikian dalam membuat keputusan (sila lihat *ROWLAND HENRY GOMES & ORS v. NOUNTUN APARTMENT & ORS* [2021] 1 LNS 428).
- [29] Mahkamah merujuk dan menggunakan prinsip kes *RE FL YOUNG MANUFACTURING COMPANY LTD* [1900] 2 Ch 753

dimana diputuskan bahawa affidavit yang mengandungi maklumat dan kepercayaan tetapi tidak menyatakan sumber maklumat atau kepercayaan tersebut adalah tidak teratur dan tidak boleh diterima sebagai keterangan.

- [30] Dalam kes *SAVINGS & INVESTMENT BANK LTD v. GASCO INVESTMENT (NETHERLANDS) B.V & ORS* (1984) 1 WLR 271 di ms 282 diputuskan :-

*“Rule 5 (2), by its including statements of information or belief, plainly allows the adduction of hearsay. It also allows a statement of belief, that is to say, an opinion; but in its context that belief must that of the deponent, and such statements will have no probative value unless the sources and grounds of the information and belief are revealed.”*

- [31] Saya mengambil maklum penghakiman Penghakiman YAA Ketua Hakim Negara Zaki Tun Azmi dalam kes *DULI YANG AMAT MULIA TUNKU IBRAHIM ISMAIL IBNI SULTAN ISKANDAR AL-HAJ v. DATUK CAPTAIN HAMZAH MOHD NOOR & ANOTHER APPEAL* [2009] 4 CLJ 329 tersebut adalah seperti yang berikut:

*“[46] The technical non-compliance of any rule may be remedied where there is an accidental omission or oversight by a party. A general provision such as O. 1A RHC is for the court or judge to give heed to justice over technical non-compliance. It must not supersede a mandatory requirement of the Rules. O. 1A RHC cannot be invoked when a party intentionally disregards in complying with the Rules. Otherwise, parties would be encouraged to ignore the Rules. Thus in this case, O. 1A RHC does not apply as the respondents had intentionally disregarded O. 6 r. 7(2A) RHC for their own reasons.*

*[48] In the context of the Rules of the High Court 1980 the phrase “... technical non-compliance...” is thus a reference to non-compliance with a rule which is not fundamental or mandatory in nature.*

*[49] The Malaysian Court Practice 2007 Desk Edition lists at p. 9, a failure to renew a writ for service as a breach of a fundamental kind. The answer to the first question also shows that O. 6 r. 7(2) (2A) RHC which deals with the service of a writ is mandatory. It follows that O. 1A RHC cannot be invoked to cure the failure to comply with the prerequisites O. 6 r. 7(2A) RHC.*

*[50] As I had mentioned in court, if O. 1A is sought to be invoked whenever a party fails to comply with any provision of the rules, then the whole of the Rules of the High Court 1980 would be rendered useless. For example, can failure to enter appearance or file defence within the specified period be considered as an irregularity? Of course it cannot be. A party who is late in filing the relevant papers must obtain an order from the court to extend the time, if such extension is required and is permitted by the Rules. Therefore, the answer to question two is in the negative.”.*

## **ISU-ISU DALAM LAMPIRAN 61 DAN 63**

[32] Kedua-dua permohonan ini berpaksikan isu yang sama iaitu penerimaan atau penolakan semua affidavit yang difailkan selepas 22 February 2021.

[33] Saya mendapati bahwa pada 15 February 2021, Tziporah Siew Mien Cohen sudah mengetahui mengenai hal ini. Ini

menunjukkan berlaku komunikasi aktif diantara pemohon dan saksi tersebut.

- [34] Permohonan Perlanjutan Masa untuk pemfailan Lampiran 56 hanya dibuat pada 24 Mac 2021 walhal Lampiran 51 sudah difailkan pada 1 Mac 2021 dan Lampiran 56 sudah pun difailkan pada 19 Mac 2021.
- [35] Lampiran 51 sudah diikrarkan pada 26 February 2021 di United Kingdom dan surat ditulis oleh Tziporah Siew Mien Cohen (“Siew Mien”) pada 15 February 2021.
- [36] Apa yang menjadi musykil ialah jika kerana pandemik yang teruk, bukti harus dikemukakan yang mewajarkan pertimbangan diberi terhadap keadaan yang dikatakan berlaku di United Kingdom. Terdapat 3 affidavit difailkan selepas 22 February 2021 iaitu Lampiran 50 oleh pemohon sendiri, Lampiran 51 oleh Siew Mien dan Lampiran 56 oleh New Leok Hwa.
- [37] Alasan yang diberi adalah keadaan Pandemik yang disebabkan oleh Covid-19 di United Kingdom adalah jauh lebih serious dari Malaysia pada ketika itu.
- [38] Disamping itu, affidavit New Leok Hwa @ Neo Geck Hwee dan Siti Noot Afizie binti Sa’at juga menyatakan perkara yang sama. Affidavit tersebut adalah seperti dalam Lampiran 3 dan 4 yang difailkan sebelum ini tetapi ia mengandungi keperincian yang lebih banyak.
- [39] Saya dapati pemohon memfailkan dulu affidavit yang diluar masa tanpa sebarang permohonan dan hanya apabila dibantah oleh pengkaveat barulah memfailkan permohonan lanjutan masa, sekalipun dikatakan ada surat iringan kepada Mahkamah yang menyatakan ia terlewat dari masa yang ditetapkan.

- [40] Ini memberi gambaran seolah-olahnya jika Mahkamah tidak perasan atau terlepas pandang mengenai tarikh, pemohon mengambil kesempatan tanpa membuat permohonan perlanjutan masa kepada Mahkamah. Permohonan perlanjutan masa wajib dikemukakan kepada Mahkamah sekalipun jika tiada bantahan daripada pihak lawan.
- [41] Apa yang berlaku ialah Mahkamah akan memberi pertimbangan sewajarnya dengan mengambil kira pihak lawan tidak mengemukakan bantahan. Jika ada bantahan daripada pihak lawan, Mahkamah wajib mendengar semua pihak jika ada permohonan perlanjutan masa dan mempertimbangkan alasan yang dikemukakan dengan mengambil kira kepentingan serta hak semua pihak.
- [42] Dalam menentukan sama ada Mahkamah patut memberi perlanjutan masa untuk tindakan luar masa, pertimbangan akan diberi terhadap sebarang bukti, kewajaran perlanjutan masa, sama ada pihak lawan tidak diprejudiskan oleh perlanjutan masa, tidak berlaku ketidakadilan atau ia boleh diganti dengan kos.
- [43] Lampiran 63 difailkan pada 24 Mac 2021 setelah menyedari terdapat permohonan untuk mengeneipkan Lampiran 50, 51 dan 56.
- [44] Jika betul keadaan pandemik Covid-19 di United Kingdom terlalu mendesak, kenapa permohonan perlanjutan masa difailkan pada masa ia difailkan secara bersesama. Ia akan menunjukkan niat suci murni bahawa memang keadaan mendesak.
- [45] Disamping itu Lampiran 50 dan 51 diikrarkan oleh rakyat Malaysia dalam negara sendiri dan tidak berlaku Perintah Kawalan Pergerakan yang diperketatkan (“PKPD”) kecuali

dibeberapa tempat. Yang pastinya tempat deponen untuk Lampiran 50 dan 51 tidak termasuk dalam PKPD.

[46] Setelah mengkaji alasan yang diberi oleh pemohon, saya dapati Lampiran 51 tidak disertakan dengan bukti kukuh mengenai pandemik Covid19 di United Kingdom atau PKPD di Malaysia yang mewajarkan kelonggaran diberi kepada pemohon dan perlanjutan masa untuk pemfailan affidavit tersebut.

[47] Arahan YAA Ketua Hakim Negara Bilangan 8 Tahun 2021 tidak terpakai dalam kes ini kerana ia hanya berkuatkuasa pada 1 Jun 2021 dan tamat pada 4 Julai 2021.

[48] Saya membuat inferens permohonan untuk perlanjutan masa dalam Lampiran 63 dibuat sebagai tindakbalas kepada permohonan untuk mengenyahkan Lampiran 50, 51 dan 56 (iaitu Lampiran 61).

[49] Ia bukan permohonan yang bersifat *bona fide*.

[50] Saya menarik perhatian kepada Aturan 34 Kaedah 1 Kaedah Mahkamah 2012.

[51] Pengurusan kes sebelum bicara:

*1. Perintah dan arahan bagi penyelesaian prosiding yang adil, cepat dan ekonomi (A. 34 k. 1).*

*(1) Walau apa pun apa-apa jua dalam Kaedah-Kaedah ini, Mahkamah boleh, pada bila-bila masa selepas permulaan prosiding, melalui usulnya sendiri, memerintahkan mana-mana pihak atau pihak-pihak kepada prosiding itu untuk hadir di hadapan Mahkamah, supaya Mahkamah boleh mengeluarkan perintah atau memberikan arahan sebagaimana yang difikirkan patut supaya-*

- (a) *semua perkara yang mesti atau yang boleh diuruskan dengan permohonan interlokutori dan yang belum diuruskan boleh diuruskan setakat mana yang boleh; dan*
- (b) *arahan sedemikian boleh diberikan untuk kausa tindakan masa hadapan sebagaimana ternyata disesuaikan sebaiknya untuk menjamin penyelesaian yang adil, cepat dan ekonomi.*
- (2) *Jika Mahkamah membuat perintah atau memberikan arahan di bawah perenggan (1), Mahkamah boleh mengambil kira sama ada atau tidak suatu pihak itu mematuhi apa-apa protokol pra-tindakan atau arahan amalan yang relevan semasa ia dikeluarkan.*
- (3) *Jika mana-mana pihak gagal untuk mematuhi apa-apa perintah yang dibuat atau arahan yang diberikan oleh Mahkamah di bawah perenggan (1), Mahkamah boleh menolak tindakan itu, membatalkan pembelaan atau tuntutan balas atau membuat perintah lain sebagaimana yang difikirkannya patut.*
- (4) *Mahkamah boleh, dalam menjalankan kuasanya di bawah perenggan (1), membuat apa-apa perintah tentang kos sebagaimana yang difikirkannya patut.*
- (5) *Apa-apa penghakiman, perintah atau arahan yang diberikan atau yang dibuat terhadap mana-mana pihak yang tidak hadir di hadapan Mahkamah apabila diarahkan sedemikian di bawah perenggan (1) boleh diketepikan atau diubah oleh Mahkamah mengikut terma yang difikirkannya adil.*

[52] Dalam Aturan 34, Kaedah 1, adalah menjadi tanggungjawab Mahkamah untuk memberi keadilan kepada semua pihak.

[53] Mahkamah boleh, pada bila-bila masa selepas permulaan prosiding, melalui usulnya sendiri –

- i. memerintahkan mana-mana pihak atau pihak-pihak kepada prosiding itu untuk hadir di hadapan Mahkamah, supaya Mahkamah boleh mengeluarkan perintah atau memberikan arahan sebagaimana yang difikirkan patut supaya
  - (a) semua perkara yang mesti atau yang boleh diuruskan dengan permohonan interlokutori dan yang belum diuruskan boleh diuruskan setakat mana yang boleh; dan
  - (b) arahan sedemikian boleh diberikan untuk kausa tindakan masa hadapan sebagaimana ternyata disesuaikan sebaiknya untuk menjamin penyelesaian yang adil, cepat dan ekonomi.

[54] Aturan 34 Kaedah 2 (3) memperuntukkan “(3) Mahkamah, setelah memberikan arahan di bawah kaedah 2(2) atau kaedah 3 boleh sama ada melalui usulnya sendiri atau melalui permohonan mana-mana pihak, sekiranya mana-mana pihak ingkar dalam mematuhi mana-mana arahan sedemikian, menolak tindakan atau prosiding itu atau membatalkan pembelaan atau pernyataan balas atau memasukkan penghakiman atau membuat perintah yang difikirkannya patut.”.

[55] Kuasa Mahkamah apabila pihak yang diberi arahan enggan atau gagal mematuhi adalah :

- i. Membenarkan pihak yang gagal patuh memberi penjelasan.
- ii. Jika penjelasan adalah wajar dan munasabah, mahkamah hendaklah memberi ruang agar keadilan tidak dikorbankan oleh kehendak teknikal.



- iii. Jika penjelasan adalah tidak wajar atau munasabah atau tidak menunjukkan alasan *bona fide*, mahkamah boleh mengambil tindakan seperti berikut:
- a. menolak tindakan atau
  - b. menolak prosiding itu atau
  - c. membatalkan pembelaan atau
  - d. membatalkan pernyataan balas atau
  - e. memasukkan penghakiman atau
  - f. membuat perintah yang difikirkannya patut.

Ke atas pihak yang ingkar.

[56] Dalam kes *CHANG PENG SOON v. SIM AH MOW & ANOR* [2021] 1 LNS 460, Mahkamah Tinggi memutuskan -

*[48] At the end of a hearing of a strike out application, the Court may do one or more of the following:*

- i. allow an opportunity for the defaulting party to amend the statement of case, to set out a legally sustainable claim: ie, a cause of action recognised by law, whether it is:*
  - a. breach of contract claim.*
  - b. claim for civil fraud.*
  - c. negligent misrepresentation.*
  - d. negligent mis-statement, for a misleading statement prior to a contract (a form negligence).*

- e. *tort of conspiracy.*
- f. *tort of conversion (ie, civil theft).*
- g. *claim under an indemnity.*
- ii. *make an “unless” order to allow an opportunity to make good the defect in the particulars of claim or defence. If the unless order is not complied with, enter judgment on the claim.*
- iii. *stay the claim on its own initiative and require a hearing before the claim form is issued or served or*
- iv. *strike out part of the pleading.*
- v. *strike out the entire statement of case.*

[57] Terdapat Nas-nas yang membimbing Mahkamah ini dalam menggunakan kuasanya bila arahan Pendaftar tidak dipatuhi tanpa sebab yang munasabah.

[58] Dalam kes *SAMUELS v. LINZI DRESSES LTD* [1980] 1 All ER 803 Lord Roskill di ms 812 menyatakan –

*In my judgment, therefore, the law today is that a court has power to extend the time where an 'unless' order has been made but not been complied with; but that it is a power which should be exercised cautiously and with due regard to the necessity for maintaining the principle that orders are made to be complied with and not ignored. Primarily, it is a question for the discretion of the master or the judge in chambers whether the necessary relief should be granted or not.*

[59] Dalam kes *RE JOKAI TEA HOLDINGS LTD* [1983] 1 All ER 630, Mahkamah Rayuan di England menyatakan di ms 637 –

*In my judgment, in cases in which the court has to decide what are the consequences of a failure to comply with an unless order, the relevant question is whether such failure is intentional and contumelious. The court should not be astute to find excuses for such failure since obedience to orders of the court is the foundation on which its authority is founded. But, if a party can clearly demonstrate that there was no intention to ignore or flout the order and that the failure to obey was due to extraneous circumstances, such failure to obey is not to be treated as contumelious and therefore does not disentitle the litigant to rights which he would otherwise have enjoyed.*

[60] YA Hakim Mohd Hishamuddin Mohd Yunus dalam kes *STANDARD CHARTERED BANK (THAILAND) v. DATO' MATSHAH SAFUAN* [2005] 3 CLJ 158 menyatakan –

*In my judgment, in the case before me, once it is shown that the deposit was made outside the prescribed time, the conduct of the plaintiff is deemed prima facie intentional and contumelious and thus the action ought to be struck out. There is nothing else for the defendant to prove or to satisfy the court. However, on the authority of *Re Jokai Tea Holdings Ltd*, notwithstanding the non-compliance, the plaintiff can still persuade the court not to strike out the action; but the legal burden is on the plaintiff to demonstrate that there was no intention to ignore or flout the order and that the failure to obey was due to extraneous circumstances.*

*In the present case, has the plaintiff discharged that legal burden? In my judgment, the answer is in the negative.*

[61] Saya mengambil maklum Penghakiman YAA Ketua Hakim Negara Zaki Tun Azmi dalam kes *DULI YANG AMAT MULIA TUNKU IBRAHIM ISMAIL IBNI SULTAN ISKANDAR AL-HAJ v. DATUK CAPTAIN HAMZAH MOHD NOOR & ANOTHER APPEAL* [2009] 4 CLJ 329 tersebut adalah seperti yang berikut:

*“[46] The technical non-compliance of any rule may be remedied where there is an accidental omission or oversight by a party. A general provision such as O. 1A RHC is for the court or judge to give heed to justice over technical non-compliance. It must not supersede a mandatory requirement of the Rules. O. 1A RHC cannot be invoked when a party intentionally disregards in complying with the Rules. Otherwise, parties would be encouraged to ignore the Rules. Thus in this case, O. 1A RHC does not apply as the respondents had intentionally disregarded O. 6 r. 7(2A) RHC for their own reasons.*

*[48] In the context of the Rules of the High Court 1980 the phrase “... technical non-compliance...” is thus a reference to non-compliance with a rule which is not fundamental or mandatory in nature.*

*[49] The Malaysian Court Practice 2007 Desk Edition lists at p. 9, a failure to renew a writ for service as a breach of a fundamental kind. The answer to the first question also shows that O. 6 r. 7(2) (2A) RHC which deals with the service of a writ is mandatory. It follows that O. 1A RHC cannot be invoked to cure the failure to comply with the prerequisites O. 6 r. 7(2A) RHC.*

*[50] As I had mentioned in court, if O. 1A is sought to be invoked whenever a party fails to comply with any provision of the rules, then the whole of the Rules of the High Court 1980 would be rendered useless. For example, can failure to enter appearance or file defence within the specified period be considered as an irregularity? Of course it cannot be. A party who is late in filing the relevant papers must obtain an order from the court to extend the time, if such extension is required and is permitted by the Rules. Therefore, the answer to question two is in the negative.”.*

[62] Sebagaimana yang saya nyatakan saya tidak berpuashati dengan penjelasan yang diberikan untuk kelewatan pemfailan Lampiran 50, 51 dan 56 kerana jelas tindakan tersebut bersifat taktikal dan BUKAN *bona fide*.

[63] Pemohon gagal menyempurnakan beban perundangan untuk memberi penjelasan yang memuaskan mengapa arahan Mahkamah ini (melalui Pendaftar) tidak dipatuhi.

## KESIMPULAN

[64] Mahkamah Persekutuan dalam kes *TAN CHWEE GEOK & ANOR v. KHAW YEN-YEN & ANOR* [1975] 2 MLJ 188 di ms 189 menyatakan :

*The Rules of the Supreme Court are intended to facilitate, not impede, the administration of civil justice.*

*In the bad old days in England from where we took our Rules, if you put a comma wrong you were thrown out of court, so strict were they about technicalities.*

*But over the years this strictness gave way to common sense, and every time the Rules were amended it was with the object of removing fussy technicalities, and making it easier for parties to get justice.*

- [65] Ini mencerminkan pandangan yang terkehadapan oleh Lord Collins MR dalam kes *RE COLES AND RAVENSHEAR* [1907] 1 KB 1 dimana dinyatakan –

*Although a court cannot conduct its business without a code of procedure, the relation of the rules of practice to the work of justice is intended to be that of handmaid rather than mistress; and the court ought not to be so far bound and tied by rules, which are after all only intended as general rules of procedure, as to be compelled to do what will cause injustice in the particular case.*

- [66] Dalam kes *TAN CHWEE GEOK & ANOR v. KHAW YEN-YEN & ANOR* (*supra*) YA Hakim Ali (bagi pihak Mahkamah Persekutuan menyatakan dalam ms 192 –

*The general principle, I think, is that rights of parties in an action are not to be defeated by technical objections.*

- [67] Saya suka memetik *BOUSTEAD TRADING (1985) SDN BHD v. ARAB-MALAYSIAN MERCHANT BANK BHD* [1995] 4 CLJ 283; [1995] 3 MLJ 331, at p 342, ie:

*... After all, courts exist to do justice according to the law as applied to the substantial merits of a particular case...*

- [68] Hakim Kaikus, in *IMTIAZ AHMAD v. GHULAM ALIPLD* [1963] SC 382 menyatakan –

*Any system which by giving effect to the form and not to the substance defeats substantive rights is defective to*

*that extent. The ideal must always be a system that gives to every person what is his.*

[69] Saya berkeyakinan bahwa keadilan substantive dan prosedur hendaklah berjalan seiring.

[70] Dengan mengambil ibrah dari kes *DULI YANG AMAT MULIA TUNKU IBRAHIM ISMAIL IBNI SULTAN ISKANDAR AL-HAJ v. DATUK CAPTAIN HAMZAH MOHD NOOR & ANOTHER APPEAL (supra)*, saya dapati bahawa Lampiran 61 lebih sesuai dalam keadaan dan fakta kes ini.

[71] Setelah meneliti kertas kuasa, hujahan bertulis dan hujahan lisan semua pihak, maka saya putuskan seperti berikut :

- i. Lampiran 61 dibenarkan.
- ii. Lampiran 63 ditolak.
- iii. Kos ditanggung oleh pemohon.
- iv. Hujahan Lampiran 44 akan diteruskan
- v. Hujahan untuk Lampiran 1 ditetapkan oleh Mahkamah.

**Bertarikh:** 7 JULAI 2021

**(AWG ARMADAJAYA AWG MAHMUD)**

Pesuruhjaya Kehakiman  
Mahkamah Tinggi Malaya Muar  
Johor Darul Ta'zim  
*Curia Advisari Vult*

**Tarikh Pendengaran:** 25 Mac 2021

**Tarikh Keputusan:** 7 Julai 2021.

**KAUNSEL:**

*Bagi pihak pemohon - Alex Ng Khang Hui; T/n Ng Seng Kang & Partners  
Advocates & Solicitors*

63-5, Jalan Ali

Tingkat 1 & 2

84000 Muar Johor.

[Ref. No.: 1-1643-CV/GY/19/c]

*Bagi pihak pengkaveator - Steven CF Wong & Nur Diana Ramlan; T/n Arifin  
& Partners*

Peguambela & Peguamcara

E-11-06, Menara SUEZCAP 2

KL Gateway

No. 2, Jalan Kerinchi

Gerbang Kerinchi Lestari

59200 Kuala Lumpur

Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

[Ref. No.: 12982/SW/NDR/NKY/gan]

**Kes-kes yang dirujuk:**

*Bank Negara Malaysia v. Mohd Ismail Ali Johor & Ors [1992] 1 CLJ 14 (Rep);  
[1992] 1 CLJ 627; [1992] 1 MLJ 400, SC*

*S Ravi G Suppiah v. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Malaysia &  
Anor [1995] 2 CLJ 152*

*Rowland Henry Gomes & Ors v. Nountun Apartment & Ors [2021] 1 LNS 428*

*Re Fl Young Manufacturing Company Ltd [1900] 2 Ch 753*

*Savings & Investment Bank Ltd v. Gasco Investment (Netherlands) B.V & Ors  
[1984] 1 WLR 271*

*Duli Yang Amat Mulia Tunku Ibrahim Ismail Ibni Sultan Iskandar Al-Haj v.  
Datuk Captain Hamzah Mohd Noor & Another Appeal [2009] 4 CLJ 329*

*Chang Peng Soon v. Sim Ah Mow & Anor [2021] 1 LNS 460*



*Samuels v. Linzi Dresses Ltd* [1980] 1 All ER 803

*Re Jokai Tea Holdings Ltd* [1983] 1 All ER 630

*Standard Chartered Bank (Thailand) v. Dato' Matshah Safuan* [2005] 3 CLJ 158

*Tan Chwee Geok & Anor v. Khaw Yen-Yen & Anor* [1975] 2 MLJ 188

*Re Coles And Ravenshear* [1907] 1 KB 1

*Boustead Trading (1985) Sdn Bhd v. Arab-Malaysian Merchant Bank Bhd* [1995] 4 CLJ 283; [1995] 3 MLJ 331, at p 342

*Imtiaz Ahmad v. Ghulam Alipld* [1963] SC 382

**Perundangan yang dirujuk:**

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, A. 1A k. 2A. 41 k. 3, A. 34 kk. 1, 2(3), A. 92 k. 4

**Sumber lain yang dirujuk:**

The Malaysian Court Practice 2007 Desk Edition lists at p. 9